

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD 3 (16)

Tarikh : 17 Oktober 2005

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.**

**Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.**

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 03 TAHUN 2005**

**KEPERLUAN MENGEMUKAKAN SALINAN MINIT MESYUARAT DAN
KEPUTUSAN SEBUTHARGA**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) banyak mendapat aduan tentang Jabatan-jabatan Persekutuan yang membuat perolehan secara sebutharga kepada syarikat-syarikat dan kontraktor-kontraktor bukan bumiputera serta berterusan menawarkan kerja/perolehan kepada syarikat-syarikat/kontraktor-kontraktor yang tertentu. Ini adalah tidak selaras dengan AP. 170.2 yang menitik beratkan prinsip kesaksamaan dan keadilan.

3. Sehubungan dengan itu, bagi mengelakkan sebarang masalah berbangkit pada masa akan datang, semua Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab/Pengetua/Guru Besar yang menerima peruntukan Kerajaan sama ada dalam bentuk peruntukan waran biasa /peruntukan secara grant (PCG) adalah diingatkan supaya mematuhi peraturan-peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.

4. Selaras dengan tugas dan tanggungjawab PMS untuk memastikan semua perolehan Kerajaan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan dengan teratur dan telus, kerjasama dipohon supaya Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengambil tindakan untuk menghantar satu salinan **minit mesyuarat dan keputusan sebutharga** ke pejabat ini.

5. Surat edaran ini berkuatkuasa serta-merta. PMS tidak akan teragak-agak untuk mengesyorkan tindakan surcaj ke atas pegawai yang bertanggungjawab sekiranya gagal mematuhi arahan ini.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

T.T.
(**MOHD. RANI BIN SAUD**)
Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.